

BISMILLAHIRRAHMA

ALHAIKUL QYAM

**WARAHIMAHUL UHDI
DAN SELAMAT SEJAHTERA**

Saudara Pengerusi Majlis

Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri
Mohd. Syed Yusof Syed, Pengerusi
Lembaga Pengerusi Kolej Universiti
Teknikal Kebangsaan Malaysia

Yang Berbahagia Datuk-Datuk Ahli
Lembaga Pengarah KUTKM

Ahli-Ahli Senat

Ketua-Ketua Jabatan

Para Jemputan dan Mahasiswa Yang
Dikehadiri Sekalian

**TEKS UCAPAN
REKTOR KUTKM
SEMPENA PROGRAM
MINGGU HALUAN SISWA
KOLEJ UNIVERSITI TEKNIKAL
KEBANGSAAN MALAYSIA**

**TARIKH : 29 NOVEMBER 2001
MASA : 2:30 PETANG
TEMPAT : AUDITORIUM SERI NEGERI
AYER KEROH, MELAKA**

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

**ASSALAMMUALAIKUM
WARAHMATULLAHI WABARAKATUH
DAN SELAMAT SEJAHTERA**

Saudara Pengacara Majlis

Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri
Mohd Saleh bin Sulong, Pengerusi
Lembaga Pengarah Kolej Universiti
Teknikal Kebangsaan Malaysia

Yang Berbahagia Datuk-Datuk Ahli
Lembaga Pengarah KUTKM

Ahli-Ahli Senat

Ketua-Ketua Jabatan

Para Jemputan dan Mahasiswa Yang
Dikasihi Sekalian

Bersyukur kita kehadiran Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya dapat kita bersama-sama pada petang ini dalam satu majlis yang cukup bermakna iaitu Majlis Perasmian Minggu Haluan Siswa KUTKM Semester II sesi 2001/2002.

Syabas kepada pihak urusetia yang bertungkus-lumus menganjurkan majlis ini apatah lagi diadakan bersempena bulan Ramadhan di mana sebahagian besar daripada kita sedang menjalani ibadah puasa. Di kesempatan ini, saya bagi mewakili warga KUTKM mengucapkan tahniah dan selamat datang kepada mahasiswa yang telah

terpilih untuk melanjutkan pengajian ke KUTKM. Saya percaya mahasiswa yang ada di hadapan saya ini pasti amat gembira dengan peluang pembelajaran yang telah ditawarkan. Kami di KUTKM amat berbesar hati menerima kedatangan mahasiswa semua. Betapa beruntungnya saudara saudari semua jika dibandingkan dengan rakan-rakan yang tidak berpeluang untuk melanjutkan pelajaran ke Institusi Pengajian Awam (IPTA). Justeru itu, rebutlah peluang yang ada di KUTKM ini dengan sebaik mungkin untuk meraih kejayaan demi kejayaan dan seterusnya

mencapai hasrat mahasiswa untuk mendapatkan segulung ijazah.

Hadirin yang dikasihi sekalian,

Program Minggu Haluan Siswa (MHS) yang bertemakan "*Mahasiswa Teknikal Pemangkin Wawasan Negara*" dirangka untuk memberi kefahaman kepada pelajar mengenai matlamat, fungsi dan struktur KUTKM. Selain itu, ianya dapat memupuk dan menyuburkan nilai-nilai murni di kalangan mahasiswa, memberi pendedahan kepada para pelajar mengenai proses pengajaran dan

pembelajaran yang sistematik serta suasana kehidupan kampus yang ceria.

Ke arah melaksana dan mengendalikan program itu, pihak Jawatankuasa Eksekutif MHS telah merancang pengisian program yang lebih berbentuk dalaman untuk memberi input organisasi KUTKM, informasi akademik, peraturan dan etika yang perlu dimaklumi, bersesuaian dengan semangat untuk membimbing para mahasiswa ke arah motivasi diri dan pengurusan masa secara pintar. Beberapa taklimat diberi dan akan disampaikan oleh Pegawai-pegawai

Kanan KUTKM seperti taklimat HEP & kolej kediaman, taklimat MHS, PTPTN, taklimat sistem akademik, keselamatan, perpustakaan, taklimat fakulti & pendaftaran mata pelajaran, pusat komputer dan taklimat berkenaan pejabat pembangunan. Saya difahamkan pihak urusetia telah merangka satu lawatan ke Bandar Melaka dan tempat bersejarah. Ini memberi peluang kepada saudara saudari mengunjungi Negeri Melaka memandangkan para mahasiswa yang ada rata-rata datangnya dari negeri-negeri di seluruh negara dan ini amat bersesuaian sekali dengan slogan

“MELAWAT MELAKA BERERTI
MELAWAT MALAYSIA”.

Hadirin dan mahasiswa yang dihormati,

Bagi mencapai visi dan objektif KUTKM menjadi sebuah organisasi pengetahuan & pembelajaran dalam melahirkan mahasiswa yang berketrampilan tinggi melalui pendidikan tinggi teknikal bertaraf dunia, KUTKM menawarkan 5 program akademik bagi peringkat ijazah yang meliputi :

- Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik (Elektronik Industri)

- Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik (Kuasa Industri)
- Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat dan Komunikasi (Pembangunan Perisian)
- Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal (Termal-Bendalir) dan
- Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan (Proses Pembuatan)

Jangkamasa tempoh pengajian bagi kursus Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan adalah selama 4 tahun manakala program Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat dan Komunikasi pula menuntut mahasiswa

mempelajarinya selama 3 ½ tahun. Penubuhan Kolej Universiti dengan sistem pengajian yang berasaskan 70 % pengajaran dalam bentuk praktikal (*hands on*) dan 30 % dalam bentuk pengajaran teori adalah selaras dengan permintaan sumber tenaga di bidang teknikal bagi menyokong keperluan industri semasa. Penekanan Kolej Universiti adalah kepada pengetahuan teori gunaan, kemahiran dan amalan bagi menghasilkan Jurutera Teknologi yang merupakan pelengkap kepada keperluan sumber manusia perindustrian negara. Dengan adanya program yang kukuh dalam bidang

kejuruteraan dan teknologi maklumat sudah tentu KUTKM akan dapat membina perkongsian strategik antara universiti dengan industri seterusnya dapat mengeluarkan ahli professional yang bertanggungjawab kepada masyarakat dan negara. Pelaksanaan konsep tersebut akan memberi manfaat yang begitu besar kepada seluruh rakyat Malaysia dan ini merupakan satu langkah yang bijak dan terbaik dalam usaha menjadikan Malaysia sebuah negara maju yang berteraskan K-Ekonomi pada masa kini dan akan datang.

Selaku tenaga penggerak KUTKM, kami berharap akan dapat melahirkan graduan yang dapat memenuhi keperluan dan permintaan yang semakin meningkat terhadap jurutera dan professional dalam bidang kejuruteraan yang berkemahiran tinggi serta fleksibel.

Dengan ini saya akhiri ucapan saya dengan ***Wabillahi taufiq walhidayah wassalamualaikum wbt. wrt.***